



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/03/22\_23 (HQ)

### SULTAN IBRAHIM POWER PLANT PERKUKUH BEKALAN ELEKTRIK, KOMITMEN RENDAH KARBON

- Menggunakan teknologi turbin pembakaran 9HA.02 terbaharu dan paling cekap
- Lambang tenaga mesra alam demi pembangunan mampan
- Menjana 1,440 megawatt untuk Grid Nasional

Loji janakuasa turbin gas paling cekap **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dirasmikan hari ini di Pasir Gudang, Johor sebagai satu lagi mercu tanda komitmen syarikat utiliti itu terhadap kegiatan ekonomi rendah karbon.

Perasmiannya disempurnakan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar yang berkenan mengisytiharkan nama stesen berkenaan, Sultan Ibrahim Power Plant sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Baginda tahun ini.

Sultan Ibrahim menghabiskan masa kira-kira sejam di stesen berkenaan yang merupakan loji janakuasa komersial pertama di dunia yang menggunakan turbin gas 9HA.02 terbaharu dan berteknologi paling cekap dihasilkan oleh General Electric (GE).

Teknologi pembakaran bahan api gas aslinya mampu menghasilkan lebih 60 peratus tenaga elektrik, kecekapan yang menyumbang kepada pengurangan jejak karbon, sekali gus menepati slogannya, Tenaga Mesra Alam, Demi Pembangunan Mampan.

Turut berangkat Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim. Hadir sama Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi; Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan; Yang DiPertua Jumaah Majlis Diraja Johor, Dato' Dr. Abdul Rahim Ramli, Setiausaha Kerajaan Johor, Dato' Azmi Rohani; Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din dan Pengarah Urusan TNB Genco, Dato' Nor Azman Mufti.

Pembinaan stesen dengan kos RM 4.7 bilion ini adalah gabungan usaha sama antara TNB dan SIPP Energy Sdn. Bhd dengan masing-masing memegang 70 peratus dan 30 peratus kepentingan.

Sultan Ibrahim Power Plant menyalurkan 1,440 megawatt (MW) bekalan elektrik kepada Grid Nasional menerusi dua loji janakuasa turbin gas kitar padu (Combined Cycle Gas Turbine), masing-masing berkapasiti 720 MW mulai awal 2021.

Ia menjadi satu daripada mercu tanda pembangunan industri penjanaan elektrik di Johor dan selatan tanah air dengan mengukuhkan lagi kapasiti penjanaan di Semenanjung Malaysia kepada 26,744.8MW.

Berucap di majlis itu, Takiyuddin berkata, stesen berkenaan adalah bukti komitmen TNB dalam menyumbang ke arah merealisasikan ekonomi rendah karbon, tanpa berkompromi dalam membekalkan tenaga elektrik yang stabil ke kawasan selatan dan seluruh Semenanjung.

Jelasnya, pembangunan stesen berkenaan “adalah selari dengan matlamat dan agenda nasional dalam mencapai Hala Tuju Kelestarian negara iaitu mencapai 45% pengurangan intensiti Gas Rumah Hijau (GHG) pada 2030.”

Penjanaan tenaga dengan kaedah kitar padu Sultan Ibrahim Power Plant ini adalah teknologi alternatif mesra alam (cleantech) yang selaras dengan aspirasi TNB dalam mementingkan pembangunan mampan (sustainability) dan keharmonian alam. Ianya juga selaras ke arah masa hadapan tenaga mampan serta memastikan bekalan tenaga yang berdaya harap dan mesra alam.

Sultan Ibrahim Power Plant telah mendapat pengiktirafan sebagai Plant of the Year 2021 oleh penerbitan industri penjanaan kuasa antarabangsa berpangkalan di Amerika Syarikat, POWER Magazine pada Julai 2021.

Ia dikendalikan dan disenggara sepenuhnya oleh anak syarikat TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), TNB Repair and Maintenance Sdn Bhd (Remaco). TNB Genco adalah anak syarikat milik penuh TNB yang membangunkan, mengendalikan serta menyenggara portfolio penjanaan TNB.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 March 2022, jam 12:30 tengah hari**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar mencemar duli menandatangani plak bagi menyempurnakan perasmian Sultan Ibrahim Power Plant, Pasir Gudang sambil diperhatikan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad, Datuk Ir. Baharin Din pada pagi ini (22 Mac 2022).



Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan menerima cenderahati lukisan Sultan Ibrahim Power Plant, Pasir Gudang, Johor yang disempurnakan perasmiannya oleh Baginda pada pagi ini (22 Mac 2022).

Cenderahati dipersembahkan oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (dua dari kiri) sambil diperhatikan oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim (tiga dari kiri) dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (dua dari kanan).



Sultan Ibrahim Power Plant, loji janakuasa turbin gas paling cekap **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, dirasmikan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar di Pasir Gudang, Johor hari ini (22 Mac 2022). Ia menjadi satu lagi mercu tanda komitmen syarikat utiliti itu terhadap kegiatan ekonomi rendah karbon.



Loji janakuasa turbin gas paling cekap **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** dirasmikan hari ini di Pasir Gudang, Johor sebagai satu lagi mercu tanda komitmen syarikat utiliti itu terhadap kegiatan ekonomi rendah karbon.